KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	14/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			

Perhilitan pasang 'Perangkap Wahab'

Susulan dua ekor harimau berkeliaran di Kampung Remau, Pos Bihai pada Ahad

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

GUA MUSANG

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan bertindak memasang perangkap dikenali sebagai 'Perangkap Wahab' bagi menangkap dua ekor harimau belang yang berkeliaran di Kampung Remau, Pos Bihai di sini pada Ahad.

Pengarah Perhilitan Kelantan, Mohamad Hafid Rohani berkata, bagi memastikan keselamatan penduduk kampung terjamin, mereka diminta untuk berpindah sementara ke kampung berhampiran iaitu Kampung Tendrik, Pos Bihai.

"Akses masuk ke kampung berkenaan juga telah ditutup sementara bagi membolehkan operasi tangkapan berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

"Tindakan pantas yang kami lakukan ini diharap dapat memberikan kelegaan kepada tujuh keluarga yang menetap di perkampungan orang asli tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, kehadiran pak belang itu disedari oleh penduduk berkenaan pada Jumaat yang terus membuat aduan kepada pihaknya menerusi WhatsApp.

Jelas beliau lagi, tindakan segera diambil selepas pihaknya mendapati terdapat sumber makanan (haiwan ternakan) yang mudah untuk kedua-dua ekor harimau tersebut bertindak.

"Perhilitan Kelantan menggunakan kambing hidup sebagai umpan bagi menarik perhatian harimau belang tersebut masuk ke dalam perangkap.



Perhilitan Kelantan memasang 'Perangkap Wahab' bagi menangkap dua ekor harimau belang yang berkeliaran di Kampung Remau, Pos Bihai, Gua Musang pada Ahad.

"Pada Sabtu, pihak kami telah turun ke lokasi untuk membuat siasatan dan memasang perangkap kamera di lokasi kejadian," katanya.

Mohamad Hafid berkata, berpandukan imej dan video yang dirakam oleh penduduk kampung, pihaknya mendapati keadaan fizikal haiwan berkenaan dalam keadaan baik dan tidak mengalami sebarang kecederaan luaran.

"Bagaimanapun, kami tidak dapat mengenal pasti sama ada harimau tersebut telah dijangkiti *Virus Canine Distemper* kerana tidak takut kepada manusia.

"Ia berdasarkan kes Awang Besul iaitu harimau belang yang ditangkap di Kampung Besul Lama, Bukit Besi, Dungun, Terengganu pada 19 Julai 2019," kata beliau.